



PELAN ANTIRASUAH

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(PALM)

2022-2026



PELAN ANTIRASUAH

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
(PALM)

2022-2026

Penyunting

Ramle Moslim

Mohd Saufi Awang

Anita Taib

Noor Asmawati Abdul Samad

Mohd Abidin Zakaria



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

Tajuk Ringkas:

**PELAN ANTIRASUAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PALM)
2022 - 2026**

© Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), 2022.

Hakcipta terpelihara. Penerbitan ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula, disimpan dalam keadaan yang boleh dicetak semula atau dipindah dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis dari penerbit.

“

Setiap pekerja yang bermoral akan memiliki sifat dalaman yang semula jadi untuk menerima dan mengamalkan prinsip kelakuan yang bermoral lalu mengelak untuk melakukan perbuatan yang tidak diterima dalam organisasinya.

Sumber dari: Sistem Pengurusan Tatatertib di Tempat Kerja (Samihah Khalil)

”



ISI KANDUNGAN

Amanat Kepimpinan	i
Perutusan Ketua Pengarah	ii
Kata Aluan Pengerusi Pembangunan OACP	iii
Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi	iv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Ringkasan Eksekutif	2
1.2 Pendahuluan	4
1.3 Latar Belakang MPOB	4
1.4 Visi dan Misi MPOB	5
1.5 Objektif Strategik MPOB	5
1.6 Fungsi-Fungsi MPOB	6
1.7 Logo MPOB	7
Taburan dan Bilangan Stesen Penyelidikan, Pejabat Wilayah dan Pejabat TUNAS	8
1.8 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Matlamatnya	9
1.9 Pelan Antirasuah Organisasi	10
1.10 Pembangunan Pelan Antirasuah MPOB 2022 - 2026	11
1.11 Bidang-Bidang yang Berisiko	12
1.12 Definisi dan Risiko Rasuah	13
1.13 Definisi dan Risiko Tadbir Urus	14
1.14 Definisi dan Risiko Integriti	14
1.15 Agenda Pencegahan Rasuah di Malaysia	15
1.16 Punca Utama Rasuah	16
1.17 Isu dan Cabaran	17
1.18 Faktor yang Menjejaskan Integriti	19
Kesimpulan	22

BAB 2: PENGUKUHAN ASPEK TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

2.1 Kerangka Pelan Antirasuah MPOB 2022 - 2026	25
2.2 Data Aduan MPOB	27
2.3 Analisis Kuadran	29
2.4 Jangka Masa Pelaksanaan	30

2.5 Keutamaan Strategi (Penekanan Inisiatif)

Kuadran A	31
Kuadran B	36
Kuadran C	39

2.6 Pelan Tindakan

Pelan Tindakan (Tadbir Urus)	42
Pelan Tindakan (Operasi)	44
Pelan Tindakan (Sumber Manusia)	49
Pelan Tindakan (Kewangan dan Perolehan)	60
Pelan Tindakan (Pentadbiran)	71

BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

3.1 Penilaian Risiko Rasuah dan Penilaian Risiko Rasuah CRM di MPOB	77
3.2 Penilaian Risiko Rasuah CRM di MPOB	78
3.3 ID Risiko CRM di MPOB	79
3.4 Mekanisma Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	80
3.5 Mekanisma Pelaporan OACP	81

BAB 4: PENUTUP

4.1 Kesimpulan	85
4.2 Penghargaan	86
Lampiran	89

SINGKATAN

AJKPOACP	Ahli Jawatankuasa Pembangunan AOCP
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
BPR	Badan Pencegah Rasuah
BSR	Bahagian Penyelidikan Biologi dan Kelestarian
BTS	Buah Tandan Segar
CICU	Unit Pelaksanaan Korporat dan Perundingan
CLBG	Syarikat Terhad Dengan Jaminan
CRM	<i>Corruption Risk Management</i> / Pengurusan Risiko Rasuah
DF	Pusat Timbang
DPP	Dasar, Perundangan dan Peraturan
FMD	Bahagian Pengurusan, Kewangan dan Pembangunan
GI	Governans dan Integriti
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional
HRS	Human Resource System
ISO	<i>International Organization for Standardization</i> / Organisasi Antarabangsa Untuk Standardisasi
ITCS	Bahagian Teknologi Maklumat Dan Khidmat Korporat
JAR	Jawatankuasa Anti Rasuah
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah
JKPOACP	Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Mpob
KPI	<i>Key Performance Indicators</i> / Petunjuk Prestasi Utama
KPPK	Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
KPSM	Koperasi Sawit Mampan
L&E	Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia

NACP	Pelan Antirasuah Nasional
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
PBB	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDK	Pegawai Diberi Kuasa
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PO	Pesanan Belian
PORIM	Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia
PORLA	Lembaga Pendaftaran Dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit
PPPP	Pengesanan, Pematuhan, Pemulihan dan Punitif
PPT	Perancangan Perolehan Tahunan
R&D	<i>Research and Development</i> / Penyelidikan Dan Pembangunan
SDRD	Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil
SPK	Sistem dan Prosedur Kerja
SOEs	Syarikat Milik Kerajaan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
TNT	Tuntutan Perjalanan
UI	Unit Integriti
UNCAC	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah





AMANAT KEPIMPINAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah 'Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam' dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 sebagaimana yang telah dilancarkan oleh Mantan Perdana Menteri Ke-7 pada 29 Januari 2019. Manakala di bawah inisiatif 2.1.5, OACP perlu dibangunkan oleh setiap agensi di bawah sektor awam termasuk Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mewujudkan sebuah organisasi yang mantap dari segi tadbir urus, integriti dan antirasuah.

OACP adalah satu dokumen dasar antirasuah yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah di peringkat organisasi. Ia juga merupakan rangka tindakan yang menjelaskan matlamat dan strategi ke arah meningkatkan pegangan nilai pegawai MPOB dalam usaha memantapkan tahap integriti seiring dengan fungsi MPOB untuk membangun dan memajukan industri sawit negara. Hakikat yang lebih besar bagi MPOB adalah untuk mempertingkatkan tadbir urus terbaik (*governance*) dan memantapkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti di MPOB.

Sebagai sebuah agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang diamanahkan untuk membangun dan memajukan industri sawit negara, MPOB menjadikan industri sawit sebagai teras dalam pegangan nilai pegawainya. Ini perlu memandangkan keluaran industri sawit negara didagangkan di peringkat antarabangsa. Ketiadaan ketelusan dan akauntabiliti dalam mengurus dan membangunkan sektor komoditi ini menyebabkan hilang kepercayaan dan kredibiliti untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Adalah diharapkan agar OACP ini dapat dilaksanakan secara sistematik, bersepadu dan berterusan bagi menjayakan objektif yang ditetapkan. Semoga inisiatif yang dirancang akan dapat menyumbang ke arah pencapaian visi, misi dan objektif MPOB secara menyeluruh.

Tahniah diucapkan kepada MPOB.

YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
Pengerusi
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Allhamdulillah saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya MPOB telah berjaya merangka dan seterusnya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di peringkat MPOB. Pembangunan OACP ini, adalah selaras dengan kehendak Kerajaan di bawah inisiatif 6.2.1 *National Anti-Corruption Plan* (NACP) yang turut menggariskan keperluan pembangunan OACP di Badan Berkanun. Kerajaan melancarkan OACP dengan hasrat untuk membentuk masyarakat negara ini ke aras kehidupan yang lebih berintegriti. Pegawai MPOB yang juga sebahagian masyarakat tidak terlepas daripada memberikan sumbangan yang aktif ke arah mencapai matlamat ini.

Integriti adalah kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap penjawat awam khususnya pegawai MPOB. Justeru itu, MPOB akan sentiasa menyokong dan melaksanakan usaha-usaha pengukuhan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam organisasi agar ia mampu meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan di tahap yang terbaik. Maklum balas daripada pelanggan amat penting bagi membolehkan MPOB mengambil langkah segera memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang ada.

Adalah diharapkan dengan adanya OACP ini, apa-apa ruang dan peluang serta kelemahan yang ada dapat diatasi dengan melaksanakan inisiatif yang dikenal pasti agar sistem penyampaian perkhidmatan MPOB dapat ditingkatkan. Saya percaya, jika prinsip dan teras yang digariskan di dalam OACP ini dijadikan nilai pegangan oleh pegawai MPOB secara kolektif dan berterusan, MPOB mampu menjadi sebuah organisasi yang cemerlang berpaksikan integriti.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan OACP peringkat MPOB. Adalah menjadi harapan saya agar inisiatif atau pelan tindakan ini dapat dilaksanakan seperti telah dirancang demi mencapai matlamatnya.

Akhir sekali saya ingin memetik Surah Al-Anfal Ayat 27:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedangkan kamu mengentahui"

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



KATA ALUAN PENGGERUSI PEMBANGUNAN OACP



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) peringkat MPOB merupakan satu dokumen dasar pelan tindakan dan inisiatif antirasuah yang membuktikan komitmen MPOB untuk mendukung aspirasi dan agenda nasional dalam memerangi risiko-risiko yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan rasuah serta sebagai usaha untuk mewujudkan persekitaran organisasi yang berintegriti dan pengamalan tadbir urus terbaik. Proses membangunkan OACP ini bukan suatu perkara yang mudah kerana memerlukan komitmen serta perhatian yang serius daripada Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP (AJKPOACP) yang terlibat.

Terdapat lima bidang keutamaan yang dikenal pasti sebagai berisiko dan perlu ditangani di bawah OACP ini iaitu bidang Operasi, Kewangan dan Perolehan, Sumber Manusia, Tadbir Urus dan Pentadbiran. OACP peringkat MPOB telah berjaya mengenal pasti risiko-risiko yang wujud dalam organisasi yang melibatkan isu dan kelemahan dalam aspek integriti, tadbir urus dan antirasuah. Proses analisis data dibuat berdasarkan sumber yang sah iaitu jenis-jenis aduan yang diterima oleh Unit Integriti (UI), Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Laporan Audit Negara, Biro Pengaduan Awam, Laporan *Corruption Risk Management* (CRM), Laporan Akhbar dan Media Sosial serta keputusan-keputusan mesyuarat pengurusan tertinggi MPOB. Pengurusan MPOB melalui UI akan berusaha untuk memastikan semua risiko yang dikenal pasti dapat ditangani melalui inisiatif yang ditetapkan di bawah OACP.

Saya menyeru seluruh pegawai MPOB agar mempunyai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral positif yang tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur rasuah dan penyelewengan. Elemen integriti iaitu akauntabiliti, telus, amanah, dan jujur perlu dijadikan panduan utama.

Akhir kata, saya zahirkan rasa syukur dan terima kasih atas kerjasama serta komitmen daripada AJKPOACP dan pasukan yang terlibat kerana telah berjaya membangunkan OACP peringkat MPOB. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

DR. RAMLE MOSLIM

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) selaku
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP MPOB



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI



“
Pegawai MPOB yang kukuh moral dan etikanya merupakan tunjang kepada kecemerlangan organisasi

DR. ZAINAB IDRIS

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)

”

“
Usaha memantapkan integriti dan tadbir urus terbaik memerlukan komitmen dan usaha yang berterusan dalam kalangan Pengurusan dan pegawai MPOB

DR. IDRIS ABU SEMAN

Pengarah Bahagian Penyelidikan Biologi dan Kelestarian (Selaku Timbalan Pengerusi JKPOACP)

”

“
Pegawai yang berintegriti adalah sentiasa mengamalkan konsep betulkan yang biasa, biasakan yang betul

PN. RUBA'AH MASRI

Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pembangunan

”

BAB

1

PENGENALAN



1.1 Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah MPOB (PALM) 2022-2026 merupakan satu dokumen dasar pelan tindakan / inisiatif antirasuah di peringkat MPOB yang membuktikan komitmen tinggi MPOB untuk memerangi risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Dokumen yang dihasilkan ini menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah seiring dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu di bawah inisiatif 2.1.5 yang telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam (Kementerian dan Kerajaan Negeri). Inisiatif 6.2.1 NACP turut menggariskan keperluan pembangunan OACP di Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia. Visi Pelan Antirasuah MPOB 2021-2025 adalah untuk melahirkan warga MPOB yang berintegriti serta persekitaran bebas rasuah. Misinya pula adalah memperkasakan tadbir urus, integriti dan antirasuah MPOB melalui pematuhan terhadap undang-undang, polisi dan peraturan yang dikuat kuasa.



Bab 1

Menceritakan berkenaan latar belakang serta peranan MPOB dan agenda pencegahan rasuah di negara ini sehingga membawa kepada arahan kerajaan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi atau lebih dikenali sebagai OACP. Selain itu, bab ini juga memberi tumpuan kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh MPOB dalam memerangi rasuah serta meningkatkan tadbir urus dalam organisasi. Ia juga menerangkan bidang-bidang yang berisiko sehingga memerlukan kerangka inisiatif dibangunkan untuk menguruskan risiko tersebut.

Bab 2

Menghuraikan kerangka Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026 dan pelan tindakan lima (5) bidang utama iaitu Tadbir Urus, Operasi, Sumber Manusia, Perolehan, dan Pentadbiran. Lima (5) strategi daripada lima (5) bidang keutamaan ini telah dikenal pasti yang membawa kepada 12 objektif strategik. Bab ini juga menggariskan 58 risiko dan 107 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2022 hingga 2026.

Bab 3

Bab ini memberi fokus kepada mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian

Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026. Mekanisma ini penting dalam memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif di peringkat Bahagian / Unit / Seksyen yang dipertanggungjawabkan sebagai pelaksana agar ia mematuhi jangka masa yang ditetapkan dan seterusnya memastikan pencapaian Visi dan Misi Pelan Antirasuah MPOB.

Bab 4

Memberi kesimpulan berkenaan keseluruhan usaha dan kepentingan pembangunan Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026. Bab ini turut menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menggubal dan membangunkan Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026.



1.2 Pendahuluan

Ke arah mencapai status negara maju dan inklusif serta pembentukan sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Antaranya adalah pelaksanaan agenda integriti nasional yang merupakan gagasan penting ke arah memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing di pentas antarabangsa.

Integriti merupakan prasyarat dan landasan utama untuk sesebuah negara mencapai kemajuan dan mempertingkatkan daya saing, maka usaha dan gerakan pemantapan nilai-nilai murni, etika dan integriti menjadi fokus dan keutamaan negara. Dalam memastikan kelancaran pembangunan negara dan menjadikan Malaysia mencapai status negara maju, usaha mewujudkan masyarakat yang berintegriti tinggi, berdaya tahan dan mengamalkan nilai murni sejagat amat perlu supaya tahap pemikiran minda kelas pertama dapat dibentuk dan diamalkan secara bersama dan berterusan. Tuntutan rakyat terhadap pengurusan tadbir urus terbaik dan berintegriti harus dijadikan prinsip utama dalam mewujudkan negara berstatus kelas pertama serta bagi memenuhi aspirasi rakyat.

1.3 Latar Belakang MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah ditubuhkan pada 1 Mei 2000 melalui Akta 582 yang mengambil alih semua fungsi Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) yang telah dibubarkan berkuat kuasa pada tarikh yang sama. Majlis pelancaran MPOB telah disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Utama, YB Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik pada 16 Jun 2000.



Penggabungan PORLA dan PORIM sebagai MPOB adalah usaha kerajaan untuk memastikan kecemerlangan berterusan industri sawit. Keutuhan industri sawit negara perlu dipertingkatkan bagi mengharungi cabaran, dan persaingan dengan lebih yakin, cekap, mantap, berkesan dan bersepadu.

MPOB bertindak menyelaras dan memajukan pelbagai sektor industri sawit, menggubal dasar dan strategi bagi memantapkan lagi daya maju dan daya saing industri, seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Penyelidikan dan pembangunan menjadi teras utama MPOB dengan sokongan padu aktiviti penguatkuasaan, pelesenan, kawalan mutu dan hebahan maklumat.

1.4 Visi dan Misi MPOB



Untuk menjadi sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang terunggul yang bertaraf Nobel Laureate serta menerajui dan mendorong industri sawit dalam usaha mempelbagaikan kegiatan, penambahan nilai serta pembangunan mampan dan berdaya saing secara global.

Untuk mempertingkatkan kesejahteraan industri sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan cemerlang.



1.5 Objektif Strategik MPOB

Untuk memajukan dan membangunkan industri sawit Malaysia; dan

Untuk memajukan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran industri sawit Malaysia dengan cara teratur.

1.6 Fungsi-Fungsi MPOB

Untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan daya maju industri sawit Malaysia.

Untuk menjalankan dan menggalakkan kegiatan penyelidikan dan kemajuan yang berhubungan dengan penanaman, pengeluaran, penuaian, pengestrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemakaian, penggunaan dan pemasaran sawit dan keluaran sawit.

Untuk merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan mengawasi segala kegiatan penyelidikan dan kemajuan tentang sawit dan keluaran sawit.

Untuk mengawal selia, mendaftar, menyelaraskan dan menggalakkan segala kegiatan yang berhubungan dengan penanaman, pembekalan, penjualan, pembelian, pengagihan, pergerakan, penyimpanan, pengukuran, pengujian, pemeriksaan, pembrokeran, pengeksportan dan pengimportan keluaran sawit, dan pengilangan buah sawit.

Untuk memajukan dan memperdagangkan dapatan penyelidikan bagi manfaat industri sawit dan untuk menggalakkan pemakaian dapatan penyelidikan secara perdagangan.

Untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat dan perundingan bagi industri sawit.

Untuk menggalakkan pemasaran dan pengendalian cekap bagi keluaran sawit.

Untuk memajukan dan menyenggara pasaran bagi keluaran sawit.

Untuk menggalakkan, mengawal dan mengawasi langkah-langkah untuk mencapai mutu yang tinggi bagi keluaran sawit.

Untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pembangunan sumber manusia selaras dengan keperluan industri sawit.

Untuk berhubung dan membuat penyelarasan dengan badan-badan lain di dalam dan di luar Malaysia bagi mempertingkatkan lagi industri sawit negara.


1.7 Logo MPOB

Logo Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyerupai pelepah kelapa sawit, dan gambaran titisan minyak. Pembentukan unjuran pelepah mewakili pelbagai fungsi MPOB yang terdiri daripada penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan, pendaftaran, pelesenan, nasihat teknikal dan perundingan.

Jalur hijau logo juga mewakili tunjuk arah strategi MPOB; eksploitasi maksimum minyak sawit, penggunaan lengkap komponen bukan minyak dan penggunaan penuh tanah di dalam industri sawit.

Jalur emas melambangkan "tanaman emas Malaysia".


Jalur emas dan asas bulat logo melambangkan keadaan dinamik Lembaga berasaskan tenaga dan kemajuan.



M P O B

Taipan hitam adalah simbolik peranan besar dan utama MPOB.

Taburan dan Bilangan Stesen Penyelidikan, Pejabat Wilayah dan Pejabat Tunas MPOB di Malaysia



Stesen Penyelidikan: 11
Pejabat Wilayah: 6
Pejabat Cawangan MPOB: 60
Pejabat Pelabuhan: 6

1.8 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Matlamatnya

Sejarah tercipta pada tanggal 29 Januari 2019 apabila kerajaan di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan NACP ini merupakan dasar bagi memerangi rasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk melihat negara ini bebas rasuah serta mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti tinggi.

Pengubalan pelan ini selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Memerangi Rasuah (UNCAC) yang mana Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota.

Visi utama pelancaran NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu:

Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang;

Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan

Integriti dalam perniagaan

Melalui kerjasama dengan pelbagai pihak, dan dalam usaha memerangi gejala rasuah, kerajaan bertekad mewujudkan senario baharu dalam negara iaitu berasaskan prinsip **ketelusan, kebertanggungjawaban dan nilai integriti**. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat dan seterusnya membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi di pentas dunia.




1.9 Pelan Antirasuah Organisasi

Hasrat kerajaan ke arah memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dijangka akan tercapai dengan mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). OACP dibangunkan untuk membantu organisasi merangka strategi korporatnya secara menyeluruh dalam menangani risiko tadbir urus, integriti dan rasuah. OACP juga merupakan satu kaedah untuk membuat perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik. Pelaksanaannya akan meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga organisasi tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti serta menolak sebarang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah Inisiatif 2.1.5 telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam (Kementerian dan Kerajaan Negeri).

Manakala inisiatif 6.2.1 pula telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia.

Kebaikan OACP kepada organisasi adalah seperti berikut:



1.10 Pembangunan Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026



Pembangunan OACP melibatkan beberapa proses utama yang harus dilalui oleh sesebuah organisasi. Bagi menyediakan dokumen OACP, organisasi harus mengadakan Bengkel Pembangunan OACP yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dalam organisasi. Kehadiran pegawai-pegawai kanan ini amat penting bagi memastikan komitmen

dan kesungguhan pihak Pengurusan Tertinggi Organisasi dalam usaha membasmi rasuah. Pembangunan OACP peringkat MPOB 2022 - 2026, dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah MPOB (JKPOACP). Keanggotaan ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) sebagai Pengerusi, Pengarah-Pengarah Bahagian yang menjalankan bidang keutamaan yang berisiko, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Seksyen.

Dalam usaha menjayakan pembangunan dan pengubalan Pelan Antirasuah MPOB, beberapa siri bengkel dan taklimat telah diadakan seperti berikut:

Bengkel Analisis Data diadakan pada 15 Oktober 2021 untuk membangunkan Pengkalan Data Risiko di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB berteraskan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Bengkel Perancangan Senario telah diadakan pada 8-10 November 2021, bertempat di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB.

Majlis Pelancaran Buku OACP dan pemantauan pelaksanaan inisiatif.

Bengkel Pemurnian Pelan Antirasuah MPOB telah diadakan pada 6-7 Disember 2021 bertempat di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB.

1.11 Bidang-bidang yang Berisiko

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, lima (5) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MPOB telah dikenal pasti iaitu:

TADBIR URUS

1

- Tadbir urus yang baik dapat memastikan MPOB menggunakan peruntukan dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak dalam pelaksanaan operasi. Struktur tadbir urus politik yang baik juga bergantung pada urusan organisasi yang telus dan berkesan. Tadbir urus yang lemah akan menjejaskan pembangunan organisasi dan kepercayaan orang luar terhadap MPOB.

OPERASI

2

- Perancangan operasi merupakan tanggungjawab pihak pengurusan sama ada pada pihak atasan mahupun peringkat penyeliaan. Prinsip dan perancangan operasi perlu dibuat dengan menyediakan butiran tertentu bagi mencapai perancangan strategik organisasi yang ditetapkan. Kelemahan organisasi akibat kegagalan pengurusan, kesilapan manusia, kelemahan produk atau gangguan kejadian luaran yang mengakibatkan kemerosotan atau kegagalan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh MPOB.

SUMBER MANUSIA

3

- Penglibatan warga kerja dalam menyumbangkan idea, kepakaran dan tenaga harus dihargai dalam menjaga keharmonian dan mencapai objektif organisasi. Sehubungan itu, pengurusan sumber manusia perlu mempunyai strategi dan pendekatan untuk mengurus dan mengawal aktiviti yang berkaitan sumber manusia agar selari dengan matlamat sebenar MPOB

PEROLEHAN

4

- Ketidakpatuhan kepada prosedur perolehan selalu menjadi isu utama di MPOB terutama apabila melibatkan projek atau program yang berimpak besar. Proses perolehan yang tidak mengikut prosedur spesifikasi yang ditetapkan akan mengakibatkan kerugian kepada peruntukan perbelanjaan, sumber tenaga dan pembaziran masa pelaksanaan di MPOB.

PENTADBIRAN

5

- Pentadbiran merupakan proses dan aktiviti yang berterusan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Perubahan organisasi yang efektif tidak akan berlaku sekiranya pengurusan dan pentadbiran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya mewujudkan masalah penyampaian perkhidmatan dan masalah tatakelakuan pekerja.

1.12 Definisi dan Risiko Rasuah

DEFINISI

Rasuah ditafsirkan sebagai ‘melakukan sesuatu tindakan walhal mengetahui bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah salah, dan dilakukan **dengan perasaan serta niat yang jahat**’. Rasuah juga boleh didefinisikan sebagai ‘sengaja melakukan sesuatu tindakan yang ditegah oleh undang-undang’.

Rasuah ini tidak terhad kepada pemberian atau penerimaan sesuatu bentuk suapan semata-mata tetapi ia turut merangkumi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pemalsuan.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 tidak menetapkan suatu definisi khusus mengenai istilah ‘rasuah’. Namun begitu, Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970 di bawah sensyen 2(2) mentafsirkan istilah ‘perbuatan rasuah’ dalam kalangan pegawai awam sebagai:

“Apa-apa perbuatan oleh mana-mana Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau untuk apa-apa faedahnya yang lain”



RISIKO

Risiko rasuah melibatkan penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan atau seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- Meminta/menerima rasuah [seksyen 16 & 17 (a) Akta SPRM 2009]
- Menawar/memberi suapan [seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009]
- Mengemukakan tuntutan palsu [seksyen 18 Akta SPRM 2009]
- Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [seksyen 23 Akta SPRM 2009]

Dalam usaha menangani gejala rasuah di negara ini Kerajaan Malaysia meletakkan azam yang tinggi untuk membanteras jenayah rasuah dalam pelbagai sektor. Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah ditubuhkan sejak tahun 1967. Komitmen yang tinggi dan berterusan diperkukuhkan dengan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Dengan kuasa-kuasa penyiasatan lebih luas, kuasa-kuasa perundangan, bilangan keanggotaan dan peruntukan yang ditambah, penubuhan SPRM telah memberi persepsi yang lebih baik terhadap usaha pencegahan rasuah oleh Kerajaan.

1.13 Definisi dan Risiko Tadbir Urus



DEFINISI

Suatu sistem, struktur dan proses yang dibangunkan dalam organisasi yang disokong oleh prosedur, polisi, garis

panduan serta lain-lain yang berkaitan bagi memastikan kelangsungan dan kelancaran fungsi pentadbiran di organisasi untuk mencapai objektif serta matlamat.

RISIKO

Risiko tadbir urus berkaitan penyalahgunaan kuasa pengurusan, campur tangan politik dalam pentadbiran organisasi, prestasi syarikat dan pelanggaran undang-undang yang berkuat kuasa.

1.14 Definisi dan Risiko Integriti



DEFINISI

Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait rapat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari.

Seseorang yang berintegriti bermakna sentiasa melakukan perkara yang baik dan betul pada;

- setiap perkara,
- setiap keadaan; dan
- setiap masa

Suatu amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat.

RISIKO

Risiko integriti merujuk kepada ancaman terhadap reputasi dan kerugian kepada organisasi kerana insiden yang berkaitan seperti salah laku, penyelewengan, salah guna kuasa, gangguan seksual, tingkah laku anti persaingan, penyalahgunaan media sosial, pelanggaran privasi, konflik kepentingan, penipuan dan penganiayaan pemberi maklumat.

1.15 Agenda Pencegahan Rasuah di Malaysia

Kerajaan Malaysia begitu komited untuk terus memerangi rasuah dan memulakan usaha memantapkan nilai-nilai integriti dalam kalangan masyarakat Malaysia agar Malaysia mempunyai sebuah masyarakat yang mempunyai nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Untuk itu pelbagai usaha telah dirancang dan diatur secara berterusan.



1.16 Punca Utama Rasuah

Terdapat lima (5) punca utama rasuah iaitu:



1.17 Isu dan Cabaran

MPOB sangat komited dalam memerangi dan membanteras isu – isu yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan jenayah rasuah. Usaha ini dilakukan secara berterusan dan bersepadu di peringkat MPOB. Walaubagaimanapun MPOB berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran seperti berikut:


i. Kelemahan Kawalan Dalaman

Sistem Kawalan Dalaman yang mantap dan jitu perlu dilaksanakan oleh MPOB dalam usaha untuk mengurangkan masalah integriti di kalangan pegawai. Kelemahan Sistem Kawalan Dalaman khususnya dalam urusan yang melibatkan kepentingan awam yang berkaitan dengan pelaksanaan Skim Bantuan, urusan tender, perolehan, dan pengawalseliaan telah membuka ruang dan peluang berlakunya isu-isu yang berkaitan dengan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah.

ii. Tahap Pematuhan Terhadap Peraturan Dan Prosedur (SOP) Yang Rendah

Peraturan dan prosedur yang digubal oleh Pengurusan MPOB merupakan rujukan utama untuk melahirkan pegawai MPOB yang berdisiplin dan berintegriti tinggi. Walaubagaimanapun terdapat segelintir pegawai MPOB tidak merujuk dan patuh kepada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan, khususnya prosedur yang berkaitan operasi dan proses kerja. Masih terdapat di kalangan pegawai yang cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan dan budaya yang diguna pakai sebelum ini.

Selain daripada itu, terdapat juga kelemahan terhadap sistem dan prosedur kerja serta garis panduan yang tidak jelas dan kabur untuk dilaksanakan. Ini selanjutnya menyumbang ke arah ketidakcekapan, kecelaruan dan perselisihan pendapat di kalangan pegawai.



iii. **Tindakan Punitif Yang Tidak Berkesan**

Tindakan punitif yang dikenakan kepada pegawai adalah kurang tegas dan tidak konsisten serta tidak selaras dengan merit kesalahan dan pelanggaran integriti yang telah dilakukan. Ini adalah berpunca daripada faktor kekurangan pembuktian dan kelemahan teknikal pelaporan. Ada sesetengah pegawai yang terlibat dengan salah guna kuasa, tetapi terlepas daripada tindakan tatatertib kerana kelemahan dalam pengurusan Tatatertib. Ini mewujudkan situasi tidak harmoni di kalangan warga kerja yang merasakan wujud ketidakselarasan / ketidakadilan dalam penentuan jenis hukuman berbanding merit kesalahan yang dilakukan.



iv. **Pengurusan Aduan Yang Masih Lemah**

Pengurusan aduan yang cekap dan berkesan akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan. Ketiadaan saluran pengurusan aduan yang teratur menyebabkan pelanggan tidak dapat menyalurkan maklumat yang tepat berhubung ketidakpuasan hati terhadap sistem penyampaian perkhidmatan di MPOB. Pewujudan garis panduan atau polisi pemberi maklumat perlu dibuat bagi memastikan aduan pelanggan dapat diproses dan diurus dengan cekap, pantas dan teratur.



v. **Kelemahan Individu**

Kelemahan individu merupakan salah satu faktor yang amat penting dan memberi cabaran yang besar kepada MPOB untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah. Individu yang lemah didikan agama dan penghayatan nilai-nilai murni, lemah disiplin diri dan etika kerja, serta tamak dan mementingkan diri akan menyebabkan merosotnya integriti.

1.18 Faktor yang Menjejaskan Integriti

MENGENAL PASTI FAKTOR

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) akan berusaha memenuhi cita-cita dan matlamat yang digariskan dalam NACP. Perancangan yang teliti dan komitmen yang teguh seluruh masyarakat dan negara amat diperlukan untuk tujuan tersebut. Perancangan dasar, strategi dan program harus menyeluruh, mampu mengenal pasti faktor-faktor yang menjejaskan integriti, menggariskan strategi dan pelan tindakan, serta menunjukkan faktor-faktor utama penentu kejayaan strategi dan pelan berkenaan.

Menularnya rasuah, ketidakcekapan, penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan dan perlakuan tidak beretika yang lain serta berkurangnya semangat kerja dalam manifestasi kemerosotan tersebut adalah pelbagai. Maka, bagi tujuan menggubal dan menyusun pelan tindakan berkaitan, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjejaskan integriti.



INDIVIDU

Kelemahan individu merupakan salah satu faktor penting. Individu yang lemah didikan agama dan penghayatan nilai-nilai murni, lemah disiplin diri dan etika kerja, serta tamak dan mementingkan diri akan menyebabkan merosotnya integriti.

Kemerosotan integriti juga boleh berlaku sekiranya individu terbabit hanya melibat kelemahan orang lain, enggan memeriksa kelemahan diri sendiri, lantas jauh sekali untuk mengakui dan mengatasinya.

TEKANAN HIDUP

Tekanan hidup juga boleh menyebabkan individu terjerumus ke dalam kancah rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan gejala tidak bermoral. Hal ini berkemungkinan lebih besar berlaku sekiranya pegangan kepada nilai-nilai murni itu sendiri adalah lemah.

Kemerosotan integriti juga boleh berlaku sekiranya individu hanya melibat kelemahan orang lain, enggan memeriksa kelemahan diri sendiri, lantas jauh sekali untuk mengakui dan mengatasinya.

KEPIMPINAN



Kepimpinan sangat penting dalam mencorakkan budaya organisasi dan masyarakat serta tahap integriti. Kepimpinan pelbagai peringkat perlu mempunyai azam dan iltizam yang teguh untuk memberikan pedoman dan petunjuk serta melakukan perubahan untuk kebaikan. Iltizam yang lemah akan menyebabkan merosotnya integriti. Begitu juga pemimpin yang tidak memberikan teladan yang baik, lebih-lebih lagi mereka yang 'cakap tak serupa bikin'. Pemimpin juga mesti mematuhi undang-undang, prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Sebarang tindakan pemimpin mengeluarkan arahan yang bercanggah dengan undang-undang, prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan akan menjejaskan prestasi organisasi.

STRUKTUR DAN INSTITUSI

Struktur dan institusi ialah komponen penting dalam menjamin kelancaran pentadbiran Kerajaan, swasta dan masyarakat umum. Struktur sesebuah organisasi perlu kemas, fokus serta mempunyai matlamat yang jelas dan munasabah. Struktur organisasi perlu diubah dan diperkemas dari semasa ke semasa bagi menangani tuntutan dan cabaran baharu. Struktur yang tidak kemas kurang fokus dan lapuk akan membazirkan sumber dan menyebabkan ia tidak berkesan untuk mencapai matlamatnya.

Institusi memainkan peranan yang amat penting dalam keseluruhan sistem pentadbiran. Skop, tugas dan tanggungjawab antara institusi perlu diperinci dan dikoordinasi dengan baik. Pertindihan dalam skop, tugas dan tanggungjawab boleh mengakibatkan persaingan tidak sihat ataupun konflik antara institusi, serta pengabaian tanggungjawab. Kurang koordinasi antara institusi pula boleh menyebabkan pembaziran sumber dan tugas dilakukan tidak sempurna.

Institusi yang mempunyai matlamat atau kepentingan yang bertentangan antara satu sama lain juga boleh menjejaskan integriti. Contohnya dalam institusi yang memupuk nilai-nilai murni, sedangkan ada institusi lain menyebarkan nilai-nilai sebaliknya. Pertentangan kepentingan antara institusi yang berlaku secara berterusan serta nilai-nilai berlawanan boleh menimbulkan kecelaruan dan krisis nilai. Dengan demikian, integriti individu, masyarakat dan negara turut terjejas.

BUDAYA

Persekitaran amat penting dalam mempengaruhi individu dari segi pembentukan nilai dan tingkah laku. Salah satu komponen persekitaran ialah budaya. Budaya dipengaruhi oleh sejarah dan perkembangan semasa. Justeru itu, ia berubah dan boleh diubah. Budaya yang menjunjung tinggi integriti akan memberi persekitaran yang kondusif kepada individu untuk tidak menyimpang dalam tingkah lakunya. Budaya yang sebaliknya akan mempengaruhi sifat tidak ambil peduli, tidak bertanggungjawab dan melepaskan tanggungjawab kepada orang lain.

Salah satu manifestasi budaya yang merosot ini ialah keengganan membuat laporan atau menegur apabila terlibat sesuatu kesalahan dilakukan. Kebimbangan terhadap akibat tindakan menegur atau melapor adalah antara puncanya. Maka timbul sikap amalan 'anggu' dan 'ampu' lebih-lebih lagi terhadap pemimpin.

SISTEM DAN PROSEDUR

Sistem dan prosedur merangkumi pelbagai dimensi. Terdapat enam aspek sistem dan prosedur yang boleh menjejaskan integriti iaitu:

- Kurang ketelusan dalam urusan yang melibatkan kepentingan awam, contohnya dalam urusan berkaitan tender,
- Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan bagi menjalankan tugas yang boleh menyebabkan ketidakcekapan, kecelaruan dan perselisihan pendapat dalam kalangan petugas,
- Penguatkuasaan yang tidak berkesan, dan ada kalanya dilakukan secara pilihan,
- Kurang pemantauan dan penilaian tentang keberkesanan sesuatu strategi, program dan aktiviti,
- Keupayaan sumber yang terhad sama ada sumber manusia atau material (jelaskan) sehingga menjejaskan keupayaan penguatkuasaan, dan
- Kerangka undang-undang yang tidak dikemas kini, lapuk dan kurang jelas.





KESIMPULAN

Kelemahan mana-mana satu faktor di atas atau kesemuanya menyumbang kepada kemerosotan integriti. Justeru itu, semua faktor tersebut perlu ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan bersistematik dalam Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) untuk memantapkan taraf integriti di kalangan pegawai MPOB.

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).


Surah Al-Baqarah, Ayat 188

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sungguh, Allah Maha Penyayang kepadamu”

An-Nisa', Ayat 29

BAB

**PENGUKUHAN ASPEK TADBIR URUS,
INTEGRITI DAN ANTIRASUAH**



2.1 Kerangka Pelan Antirasuah MPOB 2022-2026

Sebagai usaha melahirkan pegawai MPOB yang bebas dari rasuah, Pengurusan Tertinggi MPOB berazam untuk mewujudkan usaha pencegahan rasuah yang strategik dan komprehensif untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Dalam hal ini, Kerangka Pelan Antirasuah MPOB 2022 – 2026 telah menetapkan perancangan yang berstruktur dan berfokus bagi memastikan usaha antirasuah ini dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi NACP.



BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS	OPERASI	SUMBER MANUSIA	KEWANGAN DAN PEROLEHAN	PENTADBIRAN
STRATEGI	Memperkasa Amalan Profesionalisme Dalam Tadbir Urus MPOB	Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Operasi MPOB	Meningkatkan Dan Memperkasakan Keberkesanan Pengurusan Sumber Manusia	Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Dan Kecekapan Operasi Kewangan	Memperkasakan Kecekapan dan Ketelusan Sistem Penyampaian perkhidmatan MPOB

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK
TADBIR URUS	Memperkasa Amalan Profesionalisme Dalam Tadbir Urus MPOB	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan integriti, kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam organisasi • Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan organisasi
OPERASI	Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Operasi MPOB	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan dan pemilihan perunding luar • Menambahbaik keberkesanan penyampaian produk MPOB
SUMBER MANUSIA	Meningkatkan dan Memperkasakan Pengurusan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan merit dan integriti dalam proses pengambilan, pemilihan dan pelantikan ke dalam mana-mana jawatan • Merekayasa pengurusan sumber manusia yang efisien • Mengurangkan ketirisan data dan maklumat • Meningkatkan keberkesanan sistem komunikasi dalaman dan luaran
KEWANGAN DAN PEROLEHAN	Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan dan kecekapan operasi kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Mewajibkan sistem perolehan MPOB yang telus, profesional dan mantap berteraskan nilai-nilai integriti • Memerangi amalan rasuah secara berkesan dalam pengurusan perolehan MPOB
